

Penyakit Ampus (Asma) Dan Kerja Anda

Apakah penyakit ampus/asma?

Penyakit asma ialah penyakit paru-paru yang memerlukan perjumpaan kerap dengan doktor, penggunaan ubat-ubatan dan kadang bermalam di hospital. Simptom penyakit asma ialah susah untuk bernafas, nafas berbunyi dan batuk.

Bolehkah kerja atau persekitaran tempat kerja saya mempengaruhi keadaan penyakit ampus saya?

Telahpun dibuktikan bahawa ada terdapat beberapa faktor penyebab ditempat kerja yang boleh menimbulkan atau memburukkan penyakit ampus.

Ada berapa jenis penyakit ampus yang terdapat ditempat kerja?

- Ampus yang diburukkan oleh kerja** – Pesakit yang menghidap penyakit ampus yang diburukkan oleh kerjanya atau faktor fizikal ditempat kerjanya.
- Ampus disebabkan pekerjaan** - Ampus yang disebabkan hanya oleh keadaan persekitaran kerja dan bukan diluar pekerjaannya.

Apakah pekerjaan yang mempunyai risiko tinggi?

Ada sesetengah pekerjaan yang lebih mudah untuk menyebabkan penyakit ampus disebabkan oleh faktor penyebab dipersekutuan pekerjaannya. Contoh pekerjaan yang mempunyai risiko tinggi itu ialah:

Pekerjaan	Faktor Penyebab
Pembuat roti dan biskut	Tepung, aditif makanan
Pembaikkan kereta	Resin epoksi dan solven organik
Elektronik	Wasap aloi pateri
Elektroplating	Wasap logam berat (heavy metal)
Memadam api	Asap dan produk pembakaran
Peladang	Bulu binatang dan debu bijiran
Pembuat getah berbusa (foam)	Polyurethane
Pendandan rambut	Pewarna, minyak wangi dan semburan
Pekerja kesihatan	Lateks, glutaraldehyde, produk ubat-ubatan
Penapisan logam	Asid, klorin, garam logam berat
Penapisan minyak	Wap hidrokarbon
Mencat dan menghias	Solen dan aditif cat
Pertukangan kayu	Debu kayu
Penternakkan	Bulu dan kencing binatang

Macamana boleh kita menghindari dari ampus disebabkan oleh persekitaran kerja?

- Selalu mematuhi tatacara kerja yang selamat dan betul
- Jika diperlukan, gunakanlah alat pelindung diri seperti penutup mulut dan hidung
- Pasanglah unit penapis udara dan kipas ekzos
- Pastikan kualiti udara dalaman yang baik

Jika penyakit ampus anda bertambah buruk, doktor anda mungkin akan menyarankan untuk anda dipindahkan kerja kebahagian lain dan didalam kes teruk, menyarankan anda untuk mencari pekerjaan yang lain untuk memelihara kesihatan anda.



BAHAGIAN KESIHATAN CARA KERJA
JABATA PERKHIDMATAN KESIHATAN

Adakah tempat kerja anda mesra penyakit ampus?

Sila semak senarai dibawah untuk mempastikan jika tempat kerja anda mesra penyakit ampus:

- Adakah tempat kerja anda tidak ada asap rokok?
- Adakah debu dan bahan kimia dikawal dengan berkesan dan tahapnya dipantau?
- Adakah persekitaran kerja anda mempunyai sistem pengudaraan yang mencukupi?
- Adakah sistem pengudaraan senantiasa diselenggara?
- Adakah sistem pengawalan senantiasa dipantau?
- Adakah anda dan teman sekerja anda diberikan alat pelindung mulut dan hidung yang betul?
- Adakah anda dan teman sekerja menjalani pemantauan kesihatan terutama sekali fungsi paru-paru?

Jika anda menjawab "YA" kepada diatas, tempat kerja anda adalah mesra penyakit ampus; jika tidak, berbincanglah dengan pengawas anda dan minta nasihat dari doktor anda.

Perlu Diingat!!

Jika simptom penyakit ampus anda bertambah buruk semasa berkerja, anda mungkin menghidap penyakit ampus disebabkan atau berkaitan dengan pekerjaan anda; berbincanglah dengan doktor anda hari ini untuk pengawalan yang berkesan untuk penyakit ampus anda.

PENYAKIT AMPUS DAN KERJA ANDA

